

Ucapan : ADHO
507
186/80

Tuan-tuan dan puan-puan yang hadir,

UCAPAN YB MENTERI PELAJARAN, DATUK
HUSSEIN ONN DI UPACARA MERESMIKAN
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN
PERPUSTAKAAN MALAYSIA 1973/1974
PADA 24hb MACH, 1973 JAM: 2.30 PTG.

Jawatankuasa Persatuan Perpustakaan Malaysia,

kerana menjemput saya untuk meresmikan

mesyuarat agung persatuan ini-pada-besi-ini.

Kegiatan-kegiatan dan tujuan-tujuan Persatuan

Perpustakaan Malaysia, adalah amat sepadan

dengan rancangan Kementerian Pelajaran hendak

mengujudkan sistem pelajaran yang sebaik-

baiknya untuk negara kita. Tidak syak lagi

kegemaran membaca dan perkembangan perpustakaan

yang dipergiatkan oleh persatuan ini, akan

mendapat sokongan dan sambutan yang sewajarnya

dari semua golongan masyarakat.

2. Perpustakaan adalah bukan lagi dianggap sebagai luxury dalam konteks pelajaran zaman ini. Penuntut-penuntut mestilah mempunyai tabiat merojok di perpustakaan dan bukan sahaja pandai membaca dan memahami, tetapi perlu juga bertabiat meninjau isi kandungan buku-buku itu sambil membaca. Rol satu-satu perpustakaan untuk perkembangan pelajaran dan mempercepatkan proses mematangkan fikiran, adalah positif. Kuasa huruf-huruf bertulis itu boleh dikatakan tidak terhad ke atas seseorang pembaca. Kuasa negatifnya juga ada. Oleh itu, perlulah kanak-kanak kita dipimpin dan didideki untuk menggunakan perpustakaan secara berkesan dan bermunafaat.

3. Kementerian Pelajaran telah lama mengadakan semenjak tahun 1971. Tahun ini, menggalak sekolah-sekolah mengadakan perpustakaan seramai 120 orang guru telah dipilih untuk masing-masing. Buat masa ini, sungguhpun hampir baik kursus, ini membeli jumlah seramai 348 semua sekolah mempunyai perpustakaan sendiri, orang guru-guru yang diberi kursus dalam tetapi kebanyakannya, terutama sekali yang di sekolah-sekolah rendah, adalah jauh daripada ini bertugas sebagai anggota-anggota penting memuaskan dari segi pengurusan, dan jumlah untuk melatih guru-guru lain di kawasan buku-buku yang disediakan itu pun boleh masing-masing.

dikatakan setakat melepaskan batuk di tangga sahaja. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran telah mengadakan beberapa kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru perpustakaan sekolah. Kursus penggunaan perpustakaan telah diadakan di beberapa buah Maktab Perguruan semenjak tahun 1968. Mulai tahun ini, semua Maktab Perguruan mewajibkan pelajaran pengurusan dan penggunaan perpustakaan kepada semua guru-guru pelatih. Kursus dalam cuti juga telah

4. Di beberapa buah negeri di Malaysia Barat, anggota-anggota penting ini telah menguruskan bengkel-bengkel perbincangan untuk guru-guru perpustakaan, dan telah mengajar ramai guru-guru tempatan serba-serbi kaedah mengurus perpustakaan-perpustakaan sekolah.

anggota penting menguruskan bengkel-bengkel perbincangan dan mengadakan seminar-seminar dan kursus-kursus pendek untuk guru-guru perpustakaan. Kementerian Pelajaran juga telah menyediakan satu buku panduan (Library manual) sebagai panduan untuk pengurusan dan pentadbiran perpustakaan sekolah secara berkesan. Sekarang buku panduan ini sedang disemak semula untuk memberi faedah yang banyak lagi kepada guru-guru perpustakaan.

5. Pada masa ini, Kementerian Pelajaran telah melantik pegawai-pegawai perpustakaan tempatan di 7 buah negeri dan pegawai-pegawai Peace Corps yang mahir dalam hal ini telah ditempatkan di Pejabat-Pejabat Pelajaran di 10 buah negeri. Mereka ini juga turut membantu anggota-anggota penting menguruskan bengkel-bengkel perbincangan dan mengadakan seminar-seminar dan kursus-kursus pendek untuk guru-guru perpustakaan. Kementerian Pelajaran juga telah menyediakan satu buku panduan (Library manual) sebagai panduan untuk pengurusan dan pentadbiran perpustakaan sekolah secara berkesan. Sekarang buku panduan ini sedang disemak semula untuk memberi faedah yang banyak lagi kepada guru-guru perpustakaan.

6. Kementeriaan Pelajaran dengan bantuan wang UNICEF, sedang menjalankan suatu penyelidikan mengenai tabiat membaca kanak-kanak luarbandar. Guru-Guru perpustakaan daripada 20 sekolah percubaan (pilot schools), akan diberikan kursus orientasi menggunakan alat-alat penyelidikan ini. Penyelidikan ini adalah untuk mengetahui samada tabiat membaca murid-murid luarbandar itu boleh berubah atau tidak, jika murid-murid itu diberikan bahan-bahan bacaan yang terpilih dan tinggi mutunya. Kementeriaan Pelajaran berharap hendak meluaskan lagi bidang penyelidikan ini dengan menambahkan jumlah sekolah-sekolah percubaan tiap-tiap tahun.

awany semuanya bersifat saling pengaruh-

mempengaruhi dan tidak boleh dipi...8

pisahkan.

7. Rancangan-rancangan lain, seperti kempen membaca buku untuk Tahun Buku Antarabangsa yang dijalankan pada tahun sudah itu, telah juga menimbulkan kesedaran baharu terhadap perkhidmatan perpustakaan sekolah. Pergerakan ini telah juga mencetuskan beberapa pergerakan baharu yang sejajar dengan kegiatan-kegiatan Persatuan Perpustakaan Malaysia ini, seumpamanya ialah Pusat Bahasa yang ditempatkan di Maktab Perguruan Bahasa untuk sementara waktu itu. Ketiga-tiga perkara perkembangan, iaitu penyebaran pelajaran, kegiatan-kegiatan pusat bahasa dan perkembangan perkhidmatan perpustakaan ~~WBM~~ awam, semuanya bersifat saling pengaruh-mempengaruhi dan tidak boleh dipisahkan.

8. Saya telah difahamkan bahawa Persatuan Perpustakaan Malaysia ini, telahpun mengadakan suatu jawatankuasa tetap (standing committee) untuk membantu darihal perpustakaan-perpustakaan sekolah. Seorang pegawai daripada Kementerian Pelajaran telah dipilih untuk memberi kerjasama ~~seberapa daya yang boleh~~ kepada jawatankuasa ini.

9. Persatuan ini merancang hendak membantu penubuhan perkhidmatan perpustakaan percuma untuk masyarakat di semua negeri. Ini adalah tugas yang mulia dan sungguh berat jika difikirkan batasan kewangan dan tenaga pembantu mereka yang belum cukup ramai lagi itu. Setakat ini, ~~mengikut akhbar,~~ hanya negeri Selangor, Pulau Pinang dan Kedah sahaja yang telah menubuhkan perbadanan perpustakaan mereka. Adalah dipercayai bahawa negeri-negeri lain ~~itu~~ akan turuti langkah ini tidak berapa lama lagi.


10. Bidang pengetahuan manusia kian lama kian bertambah, dan merebak ke merata pelusok alam. Satu-satu perpustakaan itu tidak akan dimunafaati benar jika kumpulan buku-bukunya tidak meliputi semua bidang pengetahuan. Saya harap agar semua perpustakaan kita di negeri ini bukan sahaja boleh memberi pinjaman buku-buku novel, bahkan mampu bersifat sebagai pusat rojokan untuk berbagai corak pengetahuan.

kita akan mengambil beberapa tindakan supaya pelajar-pelajar kita tidak cuai mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang diperlukan. Kita percaya perpustakaan-perpustakaan di negeri ini akan di isikan dengan buku-buku yang cukup dalam kedua-dua bahasa yang penting ini. ...12

11. Bahasa Kebangsaan kita tetap akan mendapat tempat yang istimewa dalam negeri ini. Dalam pada itu, mutu bahasa Inggeris, iaitu bahasa perantaraan dunia yang telah menjadi kunci pengetahuan sejak *beberapa* berzaman, tidak patut dibenarkan merosot di kalangan pelajar-pelajar kita. Demi kepentingan perhubungan antara-bangsa dan usaha kita dalam segala lapangan pelajaran, kita akan mengambil beberapa tindakan supaya pelajar-pelajar kita tidak cuai mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua yang diperlukan. Kita percaya perpustakaan-perpustakaan di negeri ini akan di isikan dengan buku-buku yang cukup dalam kedua-dua bahasa yang penting ini.

12. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,
~~hari ini~~ saya diberi tahu bahawa Puan Hedwig
Anuar, iaitu Pengarah Perpustakaan Negara
Singapura, akan diberikan Sijil Ahli Kehormat
Seumur Hidup. Beliau telah paling bergiat
dalam usaha-usaha kita terutama sekali dalam
hal menyediakan 'blue print' untuk menubuhkan
perpustakaan awam di negeri ini. Kita semua
mengucapkan berbilang terima kasih ^{taniah} kepada
~~beliau~~ *puan itu.*

Akhir sekali, ~~inilah~~ saya dengan sukacitanya, meresmikan Mesyuarat Agung Persatuan Perpustakaan Malaysia ~~untuk~~ tahun 1973.
~~ini.~~



Akhir sekali, inilah saya dengan sukacita-
nya, meremehkan Mesyuarat Agung Persatuan
Perpustakaan Malaysia untuk tahun 1973.
ini.



No. Siri	533
No. Penerimaan	178/80